



Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun

Report of the Mid-Year Population Estimates

2017

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

*Department of Statistics
Department of Economic Planning and Development
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam*



Pendahuluan

Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2017 ini memaparkan data mengenai anggaran jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada pertengahan tahun 2017. Pengiraan anggaran ini disediakan berasaskan data akhir dari Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016 dan mengambilkira komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan penghijrahan bersih (*net migration*).

Anggaran penduduk pertengahan tahun bagi tahun 2012 hingga 2015 yang dikeluarkan sebelum ini, berasaskan data awal Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan 2016 adalah juga disemak semula.

Saiz dan Pertumbuhan Penduduk

Anggaran penduduk pertengahan tahun 2017 bagi Negara Brunei Darussalam adalah seramai 421,300 orang berbanding dengan 417,256 orang semasa Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016. Ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh 2016-2017, berbanding dengan pertumbuhan 1.2 peratus semasa tempoh 2015-2016.

Terdapat seramai 106 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan berbanding dengan nisbah jantina sebanyak 105 pada tahun 2016. Oleh itu, penduduk lelaki merupakan 51.4 peratus (216,400 orang) daripada jumlah penduduk.

Taraf Penduduk

Daripada jumlah keseluruhan penduduk, Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 76.8 peratus (323,500 orang), manakala agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 7.8 peratus (33,000 orang) dan 15.4 peratus (64,800 orang).



Taburan Geografi

Daerah Brunei Muara mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 69.6 peratus (293,300 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait (16.5 peratus atau 69,600 orang), Daerah Tutong (11.5 peratus atau 48,300 orang) dan Daerah Temburong (2.4 peratus atau 10,100 orang). Negara Brunei Darussalam mempunyai kepadatan penduduk seramai 73 orang bagi setiap kilometer persegi.

Taburan Umur

Dari aspek taburan umur, kira-kira 21.8 peratus (91,700 orang) jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 72.9 peratus (307,000 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 5.4 peratus (22,600 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2017 adalah 30.1 tahun berbanding 29.5 tahun pada tahun 2016.

Bangsa

Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini pada kadar 65.8 peratus (277,300 orang) dari jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi dari 10.2 peratus (43,100 orang) dan 23.9 peratus (100,900 orang) dari jumlah penduduk.



Introduction

The Report of the Mid-Year Population Estimates 2017 presents the data on the population estimates and key demographic characteristics of Brunei Darussalam's mid-year population in 2017. The calculation for the estimates is based on the final data of the Population and Housing Census Update (KBPP) 2016 and incorporating three major components of population changes i.e. births, deaths and net migration.

The mid-year population estimates for the years 2012 to 2015 released earlier based on the Population and Housing Census Update 2016 preliminary data, have now been revised.

Population Size and Growth

Mid-year population estimate of Brunei Darussalam for 2017 was 421,300 persons compared to 417,256 persons in the Population and Housing Census Update 2016. This represented an annual growth rate of 1.0 per cent during the period 2016-2017, compared to 1.2 per cent during the 2015-2016 period.

There were 106 males for every 100 females compared to a sex ratio of 105 in 2016. Consequently, the male population accounted for 51.4 per cent (216,400 persons) of the total population.

Residential Status

Out of the overall total population, Brunei Citizens accounted for the largest share of 76.8 per cent (323,500 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 7.8 per cent (33,000 persons) and 15.4 per cent (64,800 persons) respectively.



Geographic Distribution

The Brunei Muara District was the most populated district with 69.6 per cent (293,300 persons) of the total population. This was followed by the Belait District (16.5 per cent or 69,600 persons), the Tutong District (11.5 per cent or 48,300 persons), and the Temburong District (2.4 per cent or 10,100 persons). The population density of Brunei Darussalam was 73 persons per square kilometre.

Age Distribution

From the age distribution aspect, about 21.8 per cent (91,700 persons) of the population were below 15 years of age, 72.9 per cent (303,700 persons) were in the working age group of 15-64 years and 5.4 per cent (22,600 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2017 was 30.1 years compared to 29.5 years in 2016.

Race

The Malays with 65.8 per cent (277,300 persons) of the total population formed the largest community in the country. The racial groups of Chinese and others comprised 10.2 per cent (43,100 persons) and 23.9 per cent (100,900 persons) of the population respectively.



Konsep dan Definisi

Berikut ialah beberapa konsep dan definisi yang digunakan dalam laporan ini:

Kadar Pertumbuhan Purata Penduduk Tahunan:

Kadar pertumbuhan purata penduduk tahunan dikira seperti berikut:

$$r = \frac{[\ln(\frac{P_{t+n}}{P_t})]}{n} \times 100$$

di mana

r ialah kadar pertumbuhan purata penduduk tahunan

n ialah bilangan tahun yang tepat di antara tahun t dan tahun $t+n$

P_t ialah penduduk pada tahun t

P_{t+n} ialah penduduk pada tahun $t+n$

\ln ialah logaritma asli

Nisbah Jantina:

Nisbah jantina ialah bilangan lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

Kepadatan Penduduk:

Kepadatan penduduk bagi satu kilometer persegi ialah nisbah penduduk sesebuah kawasan yang tertentu kepada keluasan kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

Concepts and Definitions

The following are some concepts and definitions used in this report:

Average annual population growth rate:

The average annual population growth rate is calculated as:

$$r = \frac{[\ln(\frac{P_{t+n}}{P_t})]}{n} \times 100$$

where

r is the average annual population growth rate

n is the exact number of years between year t and year $t+n$

P_t is the population at the year t

P_{t+n} is the population at the year $t+n$

\ln is the natural logarithm

Sex ratio:

The sex ratio is the number of males per 100 females.

Population density:

The density of persons per square kilometre is the ratio of the population of a given area to the number of square kilometres in the same area.



Taraf Penduduk:

Taraf penduduk ialah taraf orang berkenaan yang berhubungkait dengan undang-undang imigresen negara ini.

Kategori taraf penduduk ialah:

- i) Rakyat Brunei, iaitu pemegang kad pengenalan kuning;
- ii) Penduduk Tetap, iaitu pemegang kad pengenalan ungu; dan
- iii) Penduduk Sementara, iaitu pemegang kad pengenalan hijau.

Umur Penengah (Median):

Umur penengah (*median*) bagi penduduk ialah umur yang membahagikan penduduk kepada dua kumpulan bersamaan saiz, di mana separuh dari jumlah penduduk adalah lebih muda dari umur ini, dan yang separuh lagi lebih tua.

Bangsa:

Melayu merujuk kepada Melayu Brunei, terdiri daripada penduduk yang terkandung di dalam puak asli bangsa Melayu iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut.

Cina merujuk kepada penduduk dalam kumpulan etnik Cina, sementara lain-lain bangsa meliputi penduduk yang tidak termasuk di dalam kumpulan bangsa Melayu dan Cina.

Residential Status:

Residential Status is the status of the person in relation to the immigration laws of the country.

The categories of residential status are:

- i) Brunei Citizen, i.e. holder of yellow identity card;*
- ii) Permanent Resident, i.e. holder of purple identity card; and*
- iii) Temporary Resident, i.e. holder of green identity card.*

Median Age:

The median age of a population is that age that divides a population into two groups of the same size, such that half the total population is younger than this age, and the other half older.

Race:

Malays refer to Brunei Malays, comprising of persons belonging to one of the following ethnic groups of the Malay race, namely Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya and Murut.

Chinese refers to all persons who belong to the Chinese ethnic group, while others consists of the rest of the population not included in the Malay and Chinese racial groups.